



**JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.jwp.gov.my](http://www.jwp.gov.my)

---

**KENYATAAN MEDIA**

**KDYMM SPB BERKENAN MENGURNIAKAN SUMBANGAN SEMPENA  
HARI KEBANGSAAN 2024**

**KUALA LUMPUR, 26 OGOS 2024** – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah hari ini berkenan mengurniakan sumbangan sempena Hari Kebangsaan 2024 kepada komuniti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah mencemar duli mengurniakan sumbangan kepada 400 orang penerima dalam kalangan asnaf, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan golongan miskin Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sumbangan wang tunai dan bakul makanan berupa barangan keperluan asas bagi setiap seorang merupakan sumbangan peribadi Tuanku yang disalurkan melalui Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor. Ini sebagai usaha membantu mengurangkan bebanan yang dihadapi komuniti miskin khususnya komuniti yang tinggal di PPR dan Perumahan Awam DBKL di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sebelum ini, komuniti miskin tegar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menerima sumbangan daripada KDYMM SPB sempena Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha 2024. Pada kali ini, komuniti miskin daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini menerima sumbangan sempena Hari Kebangsaan 2024. Ini menunjukkan penyatuan masyarakat di Malaysia bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan 2024, Malaysia Madani: Jiwa Merdeka. Perlambangan kesepaduan secara holistik negara yang maju dan progresif menaungi rakyat yang berbilang bangsa, bersatu hati dan teguh jati dirinya dapat dicapai.

**Disediakan oleh:  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Jabatan Wilayah Persekutuan  
26 Ogos 2024**